

Penarafan mengangkas bangsa cemerlang

BH 14-11-2007 MS8



**Minda
Lestari**

Bersama

Prof Dr Zaini Ujang

E-mel: zaini@utm.my

PENARAFAN adalah lumrah dalam era globalisasi. Setiap tahun Malaysia turut ditarafkan dari pelbagai aspek pada peringkat antarabangsa. Dari aspek ekonomi, penarafan sesebuah negara biasanya dilakukan berasaskan kepada indikator Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), kuasa membeli, pertumbuhan ekonomi tahunan, taraf hidup, saiz eksport, imbalan pembayaran, kadar inflasi dan sebagainya. Semakin tinggi kedudukan sesebuah negara dalam senarai penarafan itu, semakin tinggi pula status dalam konteks kemajuan berbanding negara lain.

Selain aspek ekonomi, kita juga sering dinilai dari aspek kualiti hidup. Selama ini data-data berasaskan KDNK adalah kaedah paling meluas digunakan untuk menilai kualiti hidup atau kebajikan masyarakat. Apa pun, kualiti hidup tidak sepenuhnya berpaksikan kewangan. Pada 1990, Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memperkenalkan Indeks Pembangunan Manusia (IPM) yang menggabungkan indikator pendidikan (tahap literasi), kesihatan (purata hayat) dan ekonomi (pendapatan). Pada tahun berikutnya, purata jangkamasa persekolahan turut diambilkira dalam indeks itu.

Penarafan mengenai IPM mengambil kira skop pembangunan lebih luas berbanding KDNK atau taraf hidup semata-mata. Berdasarkan KDNK perkapita, sebagai contoh, Luxembourg menduduki tangga teratas diikuti Bermuda, Norway, Iceland dan Switzerland (The Economist Pocket World in Figures, 2008 Edition). Malaysia tidak termasuk dalam senarai 70 kedudukan teratas. Penarafan IPM pula menunjukkan Norway, Iceland, Australia, Ireland dan Sweden pada kedudukan teratas sementara Malaysia pada kedudukan 56.

Sejak 2004, penarafan turut dilakukan terhadap institusi pengajian tinggi untuk

menunjukkan keupayaan intelektual dan iklim keserjanaan di sesebuah negara. Penarafan ini dilakukan Times Higher Education Supplements (THES) dengan menyenaraikan 500 universiti terbaik dunia. Dalam 10 senarai teratas ialah Harvard (Amerika Syarikat, AS), Cambridge (United Kingdom, UK), Oxford (UK), Yale (AS), Imperial College London (UK), Princeton (AS), CalTech (AS), Chicago (AS), University College London (UK) dan MIT (AS). Universiti di Malaysia agak jauh di bawah. UM menduduki tangga 246, UKM dan USM 307, UPM 364 dan UTM 415.



Dalam 200 senarai universiti terbaik dunia pula, 56 dari AS, 32 UK, 12 Australia, 11 Belanda dan 11 Jepun. Dari senarai 20 teratas pula, 12 dari AS, 4 UK, 1 Kanada, Australia, Jepun dan Hong Kong. Ini menunjukkan AS dan UK adalah negara paling subur bagi pembangunan intelektual dilatarai iklim keserjanaan yang stimulatif.

Dalam bidang alam sekitar, penarafan semakin kerap dilakukan menggunakan petunjuk dan model berbeza. Disebabkan komponen alam sekitar luas maka kaedah penarafan dilakukan secara khusus kepada sesuatu komponen alam sekitar. Dari aspek peningkatan suhu bumi misalnya, indikator utama ialah pembebasan gas karbon dioksida. Maka sistem penarafannya merujuk pengeluaran karbon dioksida atau pembebasan karbon dioksida berbanding KDNK.

Berasaskan data 2004, kedudukan teratas sebagai negara paling menyumbang kepada peningkatan suhu bumi ialah AS dengan 5.91 bilion tan, diikuti China 4.71, Russia 1.68, Jepun 1.26 dan India 1.11. Namun demikian, jika diolah secara perkapita, Emiriah Arab Bersatu menduduki tangga teratas dengan 55.9 tan, disusuli Qatar 46.3, Bahrain 33.5, Kuwait 30.9 dan Trinidad dan Tobago 30.

Selain itu, penarafan alam sekitar turut dilakukan terhadap peratus kawasan simpan dilindungi; diungguli Venezuela 34.2 peratus, Bhutan 29.6 peratus, Jerman 29.3 peratus, Switzerland 28.7 peratus dan Belize 28.6 peratus.

Menyadari kelemahan sistem penarafan terlalu spesifik itu, maka penarafan alam sekitar dilakukan secara lebih komprehensif menggunakan Indeks Pencapaian Alam Sekitar (EPI), dimulakan pada 2006. Malaysia menduduki tangga kesembilan dari 133 negara. Mendahului Malaysia ialah New Zealand, Sweden, Finland, Republik Czech, UK, Austria, Denmark dan Kanada. Negara Jepun di tempat ke-14, Switzerland (16), Jerman (22), Taiwan (24), Belanda (27), AS (28), Indonesia (79) dan China (94).

EPI dijalankan dua buah universiti terkemuka di Amerika Syarikat, iaitu Universiti Yale dan Columbia (www.yale.edu/epi). Indeks itu dinilai berdasarkan kepada dua objektif pengurusan alam se-

kitar, iaitu pengurangan kesan alam sekitar kepada kesihatan manusia dan pengurusan ekosistem lestari, selaras dengan Matlamat Pembangunan Alaf 21 (MDG), dirangka PBB. Enam kategori dinilai iaitu kesihatan alam sekitar, kualiti udara, sumber air, kepelbagaian biologi dan habitat, sumber asli produktif dan kelestarian tenaga.

Selain EPI, inisiatif sedang dilakukan untuk menilai komitmen kehidupan lestari yang diukur menggunakan analisis ecological footprint atau tapak ekologi. Analisis tapak ekologi bertujuan untuk mengukur permintaan sumber alam (air, mineral, kayu, bahan binaan, biojisim dan sebagainya) dengan membandingkan terhadap keupayaan ekosistem untuk menghasilkannya semula (regenerasi) menggunakan unit global hektar (gha).

Secara purata, setiap orang di dunia diperuntukkan 1.9 gha perkapita bagi pembangunan lestari. Ketika ini tapak ekologi paling besar (menandakan kehidupan tidak lestari) ialah di Amerika Syarikat iaitu 9.5 gha perkapita, berbanding Switzerland 4, Malaysia 1.7 dan China 1.5.

Sebagai rumusan semua kaedah dan skop penarafan itu mempunyai kelemahan dan kebaikannya. Sebagai negara yang berwasan jauh dan bervisi besar menjadi maju dalam acuan sendiri, maka Malaysia wajar mengambil kira indikator utama dalam setiap penarafan. Dari segi alam sekitar, Malaysia nampaknya berada pada kedudukan selesa tetapi kita perlu terus berusaha untuk memperbaiki bukan saja mata tangga penarafan malah polisi, sistem dan infrastruktur berkaitan.

Penarafan sudah menjadi indikator lumrah (biarpun tidak menentukan kualiti secara mutlak) dalam dunia tanpa sempadan, persaingan global dan ekonomi berasaskan pengetahuan. Penarafan itu juga boleh dijadikan sumber inspirasi untuk memacu pelaksanaan dasar baru dan pelaburan besar dalam sesuatu sektor bagi mempercepat inisiatif 'mengangkasa bangsa' cemerlang, gemilang dan terbilang.

Prof Datuk Dr Zaini Ujang adalah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Teknologi Malaysia